

ISLAMIC LITERATURE CRITICISM OF HORROR FILMS: ANALYSIS OF THE MAIN CHARACTERS OF FILM MUNAFIK 2 (2018) AND MAKMUM (2019)

KRITIKAN SASTERA ISLAM TERHADAP FILEM SERAM: ANALISIS WATAK UTAMA FILEM MUNAFIK 2 (2018) DAN MAKMUM (2019)

Muhammad Athari Basir ⁱ

ⁱ (Corresponding author). Calon Ijazah Sarjana Bahasa Arab (Kesusasteraan Arab), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). atharibasir@gmail.com

Abstract	<p><i>The inclusion of Islamic elements as one of the religious elements into horror films such as Malaysian and Indonesian horror films is not a strange thing in the world of filmmaking. Among the elements are bad retribution for those who practice magic, a horrible death at the end of life, ruqyah verses taken from the Qur'an and Hadith as well as the presence of religious people such as Ustaz and so on. Therefore, the inclusion of Islamic elements in horror films makes it one of the works of Islamic literature and needs to be criticized to coincide with the critique of Islamic literature. Therefore, this paper aims to examine the critique of Islamic literature proposed by Muhammad Qutb on the main characters of the films Munafik 2 (2018) and Makmum (2019). Both films were selected as study samples. This study is a qualitative study that uses a descriptive method of analysis, which is to collect data sourced from the Qur'an and Hadith from Sahih Bukhari and Muslim, as well as analyze the main characters in both films and categorize the basis of Islamic literary criticism using codes. The study data are discussed in detail to identify the critique of Islamic literature and the analysis of the main characters with support from the Qur'an and Hadith from Sahih Bukhari and Muslim. The study concludes that the findings show some of the main characters in both films fit to the principles of Islamic literary criticism proposed by Muhammad Qutb.</i></p> <p>Keywords: <i>Criticism, Islamic, Literature, Horror, Films.</i></p>
Abstrak	<p><i>Kemasukan unsur Islam sebagai salah satu daripada unsur agama ke dalam filem seram seperti filem seram Malaysia dan Indonesia bukanlah perkara asing dalam dunia penfileman. Antara unsur tersebut ialah balasan buruk bagi mereka yang mengamalkan sihir, kematian yang mengerikan di penghujung kehidupan, ayat ruqyah yang diambil daripada al-Qur'an dan Hadith serta kehadiran orang agama seperti Ustaz dan sebagainya. Oleh sebab itu, kemasukan unsur Islam ke dalam filem seram menjadikan ia salah satu daripada karya sastera Islam dan perlulah dikritik agar bertepatan dengan kritikan sastera Islam. Justeru itu, makalah ini bertujuan mengkaji kritikan sastera Islam yang dicadangkan oleh Muhammad Qutb terhadap watak utama filem Munafik 2 (2018) dan Makmum (2019). Kedua-dua filem telah dipilih sebagai sampel kajian. Kajian ini adalah kajian kualitatif yang menggunakan metod diskriptif analisis, iaitu mengumpul data-data yang bersumberkan al-Qur'an dan Hadith daripada Sahih Bukhari dan Muslim, serta menganalisis watak utama dalam kedua-dua filem dan mengkategorikan dasar kritikan</i></p>

	<p><i>sastera Islam tersebut dengan menggunakan kod. Data kajian dibincangkan secara terperinci bagi mengenalpasti kritikan sastera Islam dan analisis watak utama dengan mendatangkan sokongan daripada al-Qur'an dan Hadith daripada Sahih Bukhari dan Muslim. Kajian merumuskan bahawa dapatan menunjukkan sebahagian watak utama dalam kedua-dua filem menepati dasar kritikan sastera Islam yang dicadangkan Muhammad Qutb.</i></p> <p><i>Kata kunci: Kritikan, Sastera, Islam, Filem, Seram.</i></p>
--	--

PENDAHULUAN

Mutakhir ini, unsur agama telah mula dimasukkan ke dalam pembikinan filem seram terutamanya filem seram negara-negara Asia Tenggara seperti Malaysia dan Indonesia. Contohnya, unsur agama menjadi tema atau sub-tema, persoalan atau realiti agama dalam masyarakat setempat. Ia juga dipersembahkan oleh watak seperti kehadiran orang agama, *Ustaz* dan sebagainya. Kemasukan unsur agama ke dalam filem seram bukanlah suatu perkara yang asing lagi, bahkan ia kini menjadi satu daripada tiga unsur utama yang dimasukkan ke dalam filem seram selain unsur komedi dan seks (Karl G. Heider, 1991).

Islam merupakan agama yang menjadi unsur keagamaan dalam filem seram. Meskipun wujudnya unsur Islam, ia tetap tidak lari daripada aspek klise filem seram seperti kewujudan entiti paranormal dan babak mengejutkan yang muncul tiba-tiba (*jump scare*).

Dalam pembentukan plot, aspek filem seram seperti pengamalan sihir dalam masyarakat setempat oleh bomoh dimasukkan ke dalamnya. Bezanya, kemasukan unsur Islam ke dalam filem seram telah menyentuh pengamalan sihir sebagai salah satu dosa besar kerana merosakkan aqidah umat Islam. Malahan, kreativiti pengarah filem mula meletakkan pengamal agama Islam seperti *Ustaz* atau *Imam* sebagai pengamal sihir bagi bertujuan dipandang tinggi dalam masyarakat dan menjatuhkan musuh mereka. Kreativiti tersebut hadir kerana diangkat daripada kisah realiti yang berlaku dalam masyarakat seperti ajaran sesat "Ayah Pin" dan sebagainya.

Selain itu, kehadiran unsur Islam dalam filem seram mula menghasilkan filem seram yang sarat dengan pengajaran dan nilai murni, dan bukannya dihasilkan hanya sekadar hiburan seperti dicanangkan oleh pendokong *Mazhab al-Fan Lil Fan*. Penonton disajikan dengan pengamalan sihir yang hanya memberi kesan buruk kepada pengamalnya di akhir filem, atau kematian yang mengerikan di penghujung kehidupannya.

Selain itu juga, kemasukan unsur Islam ke dalam filem seram telah menghasilkan plot dan watak baharu, seperti babak pertarungan antara watak baik dengan entiti paranormal dan penggunaan ayat *ruqyah* yang diambil daripada al-Qur'an dan hadith Nabi Muhammad S.A.W (Suma Riella Rusdiarti, t.t).

Tuntasnya, kemasukan unsur agama seperti agama Islam ke dalam filem seram negara-negara Asia Tenggara seperti Malaysia dan Indonesia bukanlah suatu perkara yang janggal dalam kalangan penonton dan peminat genre seram. Malahan, filem seram berunsurkan Islam diterima dengan baik dalam kalangan mereka dan menjadi filem yang paling ditonton pada tahun terbitannya, seperti kejayaan filem *Munafik 2* (2018) yang merangkul Anugerah Filem Box Office dalam Festival Filem Malaysia ke-30 pada tahun 2019.

Dengan demikian, kemasukan unsur Islam ke dalam filem seram telah menjadi asas kajian kerana ia perlu dikritik mengikut dasar kritikan sastera Islam yang dicadangkan oleh para pengkritik sastera Islam. Oleh itu, kajian ini cuba melihat dasar kritikan sastera Islam sebagaimana yang dicadangkan oleh Muhammad Qutb terhadap dua filem seram yang berunsurkan Islam daripada Malaysia dan Indonesia, iaitu filem *Munafik 2* (2018) dan *Makmum* (2019).

LATAR BELAKANG KAJIAN

Filem *Munafik 2* ditayangkan pada 30 Ogos 2018. Filem ini merupakan sekuel kepada filem *Munafik* yang ditayangkan pada dua tahun sebelumnya. Syamsul Yusof masih lagi menjadi pengarah filem ini dan juga memegang watak utama iaitu Adam.

Munafik 2 memperkenalkan lebih banyak watak termasuklah antagonis baharu iaitu Abuja. Abuja merupakan ketua sebuah kumpulan agama yang telah menyebarkan *dakyahnya* kepada seluruh kampung yang diduduki oleh Imam Malik, kawan karib ayah Adam iaitu Rahim. Walau bagaimanapun, Abuja berselindung di sebalik ajaran Islam yang dibawanya dengan mengamalkan sihir dan tegar membunuh sesiapa sahaja yang menghalangnya, sebagaimana yang berlaku kepada Imam Malik yang disihir oleh Abuja kerana paling kuat menentangnya. Bahkan, sudah ramai yang mati dibunuh seperti babak Rahman yang mati dibakar di awal filem.

Filem *Munafik 2* menggunakan plot yang kompleks dan mengandungi beberapa siri cerita. Antaranya cerita Sakinah, anak Imam Malik yang duduk jauh daripada orang kampung bersama anaknya, Aina; cerita Adam yang bergelut dengan konflik dalaman, di mana dirinya berada dalam dilema antara sifat suka membantu orang lain dengan kelebihan yang dimiliki dengan tragedi kematian isteri dan anaknya disebabkan hasad dengki musuhnya dalam filem *Munafik* (2016); dan cerita misteri pembunuhan Maria yang berlaku dalam filem *Munafik* (2016) yang sering hadir dalam mimpi Adam sehingga merungkai kebenaran misteri tersebut.

Filem *Munafik 2* berakhir dengan kemenangan Adam ke atas Abuja, di mana Allah S.W.T membalas kejahatan dan kekejamannya secara langsung dengan mendatangkan kilat dan guruh sehingga merobohkan rumah ibadatnya. Abuja mati akibat dihempap tiang rumah ibadatnya, manakala Adam juga meninggal dunia di atas riba ayahnya setelah mengalami kecederaan akibat diseksa Abuja.

Filem *Makmum* pula mula ditayangkan 15 Ogos 2019 dan diarahkan oleh Hadrah Daeng Ratu. Meskipun di awal tayangan filem ini dihujani dengan pelbagai kontroversi seperti dakwaan penonton yang menyatakan filem *Makmum* mempromosi ketakutan Muslim terhadap ibadah Tahajud di pagi hari, namun filem ini berjaya meraih RM1.5 juta dalam tempoh empat hari ia ditayangkan.

Makmum mengisahkan gangguan makhluk halus jelmaan perempuan yang memakai telekung, di mana ia sering mengganggu penghuni asrama terutamanya di waktu pagi. Makhluk halus tersebut digelar 'Hantu Makmum' dalam kalangan pelajar asrama kerana sering menjadi *makmum* di belakang mereka yang menunaikan solat sunat Tahajud. Perkara ini dipersembahkan dengan kewujudan *makmum* secara tiba-tiba mengikuti Nurul yang sedang menunaikan solat sunat Tahajud, meskipun ia ditunaikan secara berseorangan.

Kehadiran Rini, watak utama filem *Makmum* ke asrama disebabkan baru sahaja kehilangan tempat tinggal tiba-tiba membuatkan gangguan 'Hantu Makmum' menjadi semakin kerap, bahkan terus mengganggu Rini di awal kehadirannya di asrama. Plot filem *Makmum* terus berkembang apabila ia menceritakan kisah silam Rini yang merupakan bekas pelajar di asrama itu ketika Kinanti masih menjadi ketua asrama dan dibantu oleh Slamet.

Filem *Makmum* mencapai klimaksnya apabila pada suatu pagi, Rini telah dibawa oleh 'Hantu Makmum' ke masa lampau, dan memperlihatkan kejadian kebakaran yang menimpa kawan karibnya iaitu Ningsih. Ningsih yang pada ketika itu baru sahaja pulang ke bilik usai menunaikan ibadah Tahajud bersama Rini, telah meninggal dunia dalam kebakaran disebabkan kelekaan dirinya yang menyalakan lilin bersebelahan langsir bilik. Apabila Kinanti dan Slamet menjumpai Ningsih yang dalam keadaan nyawa-nyawa ikan, Kinanti mengarahkan supaya Slamet mengebumikan Ningsih yang masih lagi hidup kerana bimbang akan dipertanggungjawabkan ke atas kebakaran yang berlaku. Perkara ini dirahsiakan Kinanti dan Slamet sekian lama sehingga menyebabkan roh Ningsih mengganggu asrama kerana mahu kebenaran sebenar terungkap.

Filem *Makmum* berakhir dengan kematian roh Ningsih yang terbakar setelah ayat *ruqyah* dibacakan oleh Ganda, guru agama asrama tersebut. Kinanti dan Slamet akhirnya

memberitahu perihal sebenar kepada Rini termasuklah lokasi mayatnya ditanam. Rini berjanji akan mengebumikan mayat kawan karibnya dengan baik.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan analisis kandungan secara kualitatif. Filem *Munafik 2* (2018) arahan Syamsul Yusof dan Makmum (2019) arahan Hadrah Daeng Ratu telah dipilih sebagai sampel kajian.

Filem ini telah dipilih berdasarkan kaedah persampelan bertujuan (purposive sampling). Kriteria utama pengkaji memilih kedua-dua filem ini kerana merupakan filem seram yang mengandungi unsur Islam. Penontonan kedua-dua filem kajian telah dijalankan pada 14 Jun 2020. Pengkaji telah menonton filem *Munafik 2* (2018) yang berdurasi selama sejam lima minit dan filem *Makmum* (2019) yang berdurasi sembilan puluh lima minit sebanyak tiga kali. Oleh itu, jumlah masa yang diperuntukkan pengkaji dalam proses pengekodan data melalui penontonan filem ialah selama tiga jam. Perkara ini bertujuan bagi pengkaji memahami keseluruhan jalan cerita dan mengenalpasti watak utama yang boleh dikritik dengan dasar kritikan sastera Islam yang dicadangkan oleh Muhammad Qutb.

Data-data yang diperolehi disokong oleh sumber al-Qur'an dan hadith Nabi Muhammad S.A.W yang diambil daripada buku Sahih Bukhari dan Sahih Muslim kerana kedua-duanya merupakan buku yang lebih berautoriti selepas turunnya al-Qur'an sebagaimana dipersetujui oleh para ulama umat Islam (Taufiq Hamid, 2017).

Terdapat dua dasar kritikan sastera Islam yang dicadangkan oleh Muhammad Qutb yang diambil oleh pengkaji, seperti jadual berikut:

Jadual 1: Kod Dasar Kritikan Sastera Islam Muhammad Qutb

Dasar Kritikan Sastera Islam	Kod Kategori
Ketepatan seni dan akhlak dalam kreativiti sastera Islam	01
Unsur realism yang positif dan murni	02

Setiap watak utama dalam kedua-dua filem yang dikenalpasti akan dikritik dengan dasar kritikan sastera Islam yang dicadangkan oleh Muhammad Qutb bersama sokongan daripada ayat Al-Qur'an dan juga Hadith daripada buku Sahih Bukhari dan Sahih Muslim. Proses analisis yang dijalankan adalah seperti dalam gambar rajah berikut:

Rajah 1: Proses Perlaksanaan Kajian



DAPATAN KAJIAN

Watak utama memainkan peranan yang sangat penting dalam filem sehingga menyebabkan pengaruh filem akan lebih berhati-hati dalam pemilihannya. Hal ini disebabkan watak utamalah yang akan menggerakkan plot dan babak dalam filem tersebut (Ken Dansayjr, 2009).

Berdasarkan takrif yang diberikan oleh Ken Dansayjr itu tadi, pengkaji mendapati watak utama bagi filem *Munafik 2* (2018) ialah Adam dan Abuja, manakala bagi filem *Makmum* (2019) pula ialah Rini dan Ningsih.

Adam merupakan protagonis filem *Munafik 2* (2018), dan masih lagi memegang watak sebagai *Ustaz* sebagaimana filem *Munafik* (2016), di mana Adam memberi *tazkirah* di masjid mengenai *talbis Iblis*. Dalam filem ini, Adam sedang bergelut dengan dilema dirinya antara terus membantu orang lain dengan menggunakan kebolehan yang dimilikinya dalam perubatan Islam, dengan trauma kematian isteri dan anaknya dalam kemalangan jalan raya akibat kebencian musuhnya terhadap perbuatannya membantu orang lain. Adam memiliki kebolehan mampu berkomunikasi dengan makhluk halus dan mampu mengalahkannya dengan membaca ayat *ruqyah*. Adam akhirnya memutuskan untuk terus membantu orang lain dengan kebolehan yang dimilikinya kerana bimbang akan dipersoalkan di hari *Akhirat* kelak, sehingga menjadi sebab kematian dirinya kerana berjuang melawan kebatilan Abuja.

Abuja pula merupakan antagonis filem *Munafik 2* (2018) dan merupakan watak baharu yang didatangkan dalam sekuel ini. Sepanjang filem ini, Abuja dan Adam saling beradu sama ada berdebat dalam perihal agama dan juga sihir sebagaimana yang diamalkan oleh Abuja. Abuja memiliki pengikut yang ramai hasil sebaran *dakyahnya*. Abuja juga mengaku dirinya menerima ilham daripada langit dan mengetahui siapa dari kalangan pengikutnya yang akan masuk ke syurga bersamanya. Kesesatan yang dibawanya dan sifat tidak berperikemanusiaan seperti tegar menyihir Adam sehingga membunuh ibunya sendiri, akhirnya dibalas secara langsung Allah S.W.T dengan mati dihempap tiang rumah ibadatnya.

Dalam filem *Makmum* (2019) pula, Rini memegang watak sebagai protagonis filem tersebut. Rini bekerja sebagai pendandan solek mayat walaupun memiliki kelulusan pendidikan yang baik. Hal ini disebabkan Rini berpendapat mayat juga berhak mendapat layanan yang baik sebagaimana orang yang masih hidup. Kehilangan tempat tinggal akibat tidak membayar wang sewa yang cukup menyebabkan Rini berpindah ke asrama, di mana dirinya pernah belajar di situ suatu ketika dahulu. Kehadiran Rini mengimbau pelbagai kenangan termasuklah persahabatannya dengan Ningsih. Walau bagaimanapun, kehadiran Rini di asrama telah mengakibatkan gangguan 'Hantu Makmum' menjadi lebih kerap dan teruk, namun akhirnya berjaya dileraikan oleh Rini dengan meminta bantuan daripada teman sepermainannya, iaitu Ganda yang merupakan guru agama sekolah tersebut.

Ningsih merupakan antagonis filem *Makmum* (2019) walaupun ketika hidup dirinya merupakan seorang *Muslimah* yang baik, di mana Ningsih menunaikan solat sunat Tahajud bersama kawan karibnya, Rini. Rahsia di sebalik kematiannya yang ditanam hidup-hidup oleh Slamet dan Kinanti kerana takut dipertanggungjawabkan atas kebakaran yang berlaku menjadi sebab roh Ningsih sentiasa mengganggu penghuni asrama terutamanya menjadi *makmum* acap kali solat sunat Tahajud. Ningsih akhirnya mati terbakar setelah dibacakan ayat *ruqyah* oleh Ganda, walaupun sebelum itu dirinya berjaya merasuki Rosa sehingga berhasil mencederakan Slamet kerana mahu membalas dendam ke atasnya.

PERBINCANGAN

Dalam bukunya yang bertajuk *Manhaj al-Fann Al-Islami*, Muhammad Qutb telah mencadangkan beberapa dasar kritikan sastera Islam, antaranya ialah ketepatan seni dan akhlak dalam kreativiti sastera Islam dan unsur realism yang positif dan murni.

Ketepatan seni dan akhlak dalam kreativiti sastera Islam bermaksud, seseorang pengamal sastera Islam itu perlulah menyediakan karya sastera yang benar dan tidak terpesong daripada ajaran Islam yang mementingkan kebenaran meskipun karya tersebut dibina berdasarkan daya kreativitinya sendiri. Perkara ini jelas membuktikan bahawa sastera Islam bukanlah sebuah sastera yang jumud, namun boleh bervariasi dan berevolusi mengikut peredaran zaman sastera asalkan daya kreativiti yang ada tidak bercanggah dengan Islam.

Unsur realism atau realiti yang berlaku dalam masyarakat setempat juga diambil kira dalam pembinaan karya sastera Islam menurut Muhammad Qutb. Hal ini menyebabkan sesebuah karya sastera Islam itu dibina atas perkara yang benar-benar berlaku dalam masyarakat sehingga mampu mempersembahkan nilai positif dan murni kepada

masyarakat, dengan mempersembahkan unsur-unsur yang positif dan murni dalam karya tersebut.

Kritikan sastera Islam menurut Muhammad Qutb terhadap watak utama filem *Munafik 2* (2018) dan *Makmum* (2019) dapat dirumuskan seperti berikut:

Ketepatan Seni Dan Akhlak Dalam Kreativiti Sastera Islam

1. Adam

Sesuai dengan watak Adam sebagai *Ustaz*, Adam meminta izin ibunya, Salmah untuk pergi melawat Sakinah yang berada dalam kesusahan setelah diminta oleh Azhar. Walaupun Adam boleh sahaja pergi membantu Sakinah tanpa memohon keizinan Salmah, namun Adam tetap meraikan ibunya apatah lagi setelah Salmah membantah niatnya kerana bimbang akan keselamatan diri anaknya. Malahan, Salmah turut mendakwa Adam lebih mementingkan perasaan orang lain berbanding perasaan ibunya sendiri. Perkara ini yang menyebabkan Adam memujuk Salmah dengan kata-kata yang baik, bersesuaian dengan firman Allah S.W.T:

﴿وَقَضَىٰ رَبُّكَ أَلَّا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا ۖ إِنَّمَا يُبَلِّغَنَّ عِنْدَكَ الْكِبَرَ أَحَدُهُمَا أَوْ كِلَاهُمَا فَلَا تَقُلْ لَهُمَا
أُفٌ وَلَا تَنْهَرْهُمَا وَقُلْ لَهُمَا قَوْلًا كَرِيمًا﴾

Maksudnya, “Dan Tuhanmu telah perintahkan supaya engkau tidak menyembah melainkan kepada-Nya semata-mata, dan hendaklah engkau berbuat baik kepada ibu bapa. Jika salah seorang dari keduanya, atau kedua-duanya sekali, sampai kepada umur tua dalam jagaan dan peliharaanmu, maka janganlah engkau berkata kepada mereka (sebarang perkataan kasar) sekalipun perkataan “Ha”, dan janganlah engkau menengking menyergah mereka, tetapi katakanlah kepada mereka perkataan yang mulia (yang bersopan santun).” (al-Qur’an. al-Isrā’: 23).

Watak anak *soleh* yang ditunjukkan oleh Adam terhadap Salmah bertepatan dengan seni dan akhlak dalam kreativiti sastera Islam, kerana tidak mungkin seseorang yang berstatus *Ustaz* akan mengetepikan ibunya, apatah lagi mengeluarkan perkataan yang buruk walaupun niat baiknya dibantah oleh ibu sendiri.

2. Abuja

Walaupun Abuja dilihat membawa ajaran Islam di sebalik *dakyahnya*, namun dakwaan bahawa dirinya menerima ilham daripada langit dan mengetahui penghuni syurga merupakan penanda aras bahawa ajarannya sesat dan menyimpang daripada Islam. Kesesatan Abuja semakin jelas apabila dirinya juga mengajak para pengikutnya melakukan kesesatan seperti meminum darah Aina yang didakwanya pengkhianat agar menjadi pengajaran. Perkara ini bertepatan dengan firman Allah S.W.T:

﴿فَاعْوِزْنَاكُمْ إِنَّا كُنَّا عٰوِيْنَ﴾

Maksudnya, “(Dengan sebab ketentuan yang tersebut) maka kami pun mengajak kamu menjadi sesat, kerana sebenarnya kami adalah orang-orang sesat.” (al-Qur’an. as-Şāffāt: 32).

Kesesatan yang dibawa dalam *dakyah* Abuja sudah cukup membuktikan bahawa dirinya sesat dan menyesatkan, meskipun berselindung di sebalik serban dan dalil agama. Hal ini bertepatan dengan seni dan akhlak dalam kreativiti sastera Islam, di mana selagimana seseorang itu mengajak kepada kesesatan maka dirinya tidak boleh diikuti dan wajib dijauhi.

3. Rini

Sifat Rini yang lemah-lembut berjaya menarik ramai orang untuk mendekati dirinya, walaupun baru berjumpa buat kali pertama. Hal ini dibuktikan apabila Nurul, Nisa dan Putri tampak lebih selesa menceritakan masalah mereka kepada Rini walaupun baru berjumpa,

berbanding Rosa yang telah mereka kenali sekian lama. Perkara ini bertepatan dengan firman Allah S.W.T:

﴿فَبِمَا رَحْمَةٍ مِّنَ اللَّهِ لِنْتَ لَهُمْ وَلَوْ كُنْتَ فَظًّا غَلِيظَ الْقَلْبِ لَأَنفَضُوا مِنْ حَوْلِكَ...﴾

Maksudnya, "Maka dengan sebab rahmat (yang melimpah-limpah) dari Allah (kepadamu wahai Muhammad), engkau telah bersikap lemah-lembut kepada mereka (sahabat-sahabat dan pengikutmu), dan kalaulah engkau bersikap kasar lagi keras hati, tentulah mereka lari dari kelilingmu..." (al-Qur'an . āli 'Imrān: 159).

Sifat lemah-lembut sudah pasti akan berjaya menarik ramai orang untuk mendekati diri pengamalnya. Hal ini bertepatan dengan seni dan akhlak dalam kreativiti sastera Islam, di mana seseorang yang mengamalkan sifat lemah-lembut pasti akan disukai dan didekati ramai orang, berbanding seseorang yang dijauhi dan dibenci kerana sering bersifat dingin dan kasar sebagaimana yang ditampilkan oleh Rosa kepada semua orang.

4. Ningsih/'Hantu Makmum'

Roh Ningsih mengganggu penghuni asrama disebabkan mahu membalas dendam ke atas perbuatan Kinanti dan Slamet yang mengebumikan dirinya hidup-hidup, walaupun berpeluang untuk selamat walaupun mengalami kecederaan yang teruk akibat terbakar. Gangguan tersebut juga disebabkan roh Ningsih mahukan Kinanti dan Slamet mendedahkan hakikat sebenar yang dirahsiakan oleh mereka berdua agar ia diketahui oleh semua orang termasuklah kawan karibnya, Rini.

Walau bagaimanapun, kebangkitan roh ke dunia semula setelah mati apatah lagi bertujuan untuk membalas dendam merupakan perkara yang berlawanan dengan seni dan akhlak dalam kreativiti sastera Islam, sepertimana yang dijelaskan dalam hadith diriwayatkan oleh Abu Hurairah R.A:

{ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَا بَيْنَ النَّفْخَتَيْنِ أَرْبَعُونَ قَالَ أَرْبَعُونَ يَوْمًا قَالَ أَبَيْتُ قَالَ أَرْبَعُونَ شَهْرًا قَالَ أَبَيْتُ قَالَ أَرْبَعُونَ سَنَةً قَالَ أَبَيْتُ قَالَ ثُمَّ يُنَزَّلُ اللَّهُ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَيَنْبُتُونَ كَمَا يَنْبُتُ الْبَقْلُ لَيْسَ مِنَ الْإِنْسَانِ شَيْءٌ إِلَّا يَبْلَى إِلَّا عَظْمًا وَاحِدًا وَهُوَ عَجْبُ الدَّنْبِ وَمِنْهُ يُرَكَّبُ الْخَلْقُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ }

Maksudnya, "Rasulullah S.A.W bersabda: "Jarak antara dua tiupan (sangkakala) adalah empat puluh." Ibnu Abbas bertanya, "Empat puluh hari?" Baginda menjawab: "Tidak." Ia bertanya lagi, "Empat puluh bulan?" Baginda menjawab: "Tidak." Ia bertanya lagi, "Empat puluh tahun?" Baginda menjawab: "Tidak." Beliau kemudian bersabda: "Setelah itu, Allah menurunkan air dari langit, maka mereka pun hidup kembali sebagaimana tumbuhnya sayur-sayuran. Tidak ada tersisa seorang pun kecuali ia akan binasa, kecuali satu tulang yakni tulang ekor. Dari tulang itulah, manusia dibangkitkan kembali pada hari Kiamat." (Hadith. al-Bukhariyy. Bab Yawm Yanfukhu fi as-Sur Fata'tuna Afwaja Zumara. 4651).

Hadith ini jelas menunjukkan kebangkitan roh Ningsih ke dunia setelah meninggal dunia merupakan perkara yang mustahil. Secara tidak langsung, konsep kebangkitan roh ke dunia semula setelah meninggal dunia seperti yang sering dipersembahkan dalam filem seram adalah berlawanan dengan seni dan akhlak dalam kreativiti sastera Islam. Hal ini kerana kreativiti dalam mencipta konsep kebangkitan semula tidak tepat dengan ajaran Islam.

Unsur Realisme Yang Positif Dan Murni

1. Adam

Apabila Adam mengetahui Salmah telah meninggal dunia, Adam menjadi sangat lemah dan berputus asa untuk terus berdakwah menentang kebatilan Abuja. Meskipun Adam memainkan peranan watak sebagai Ustaz, namun kelemahan dan sifat berputus asa setelah

ditimpa oleh ujian yang berat dengan kematian orang yang disayangi ialah fitrah manusia. Perkara ini dijelaskan dalam Surah An-Nisa', ayat ke-28:

﴿يُرِيدُ اللَّهُ أَنْ يُخَفِّفَ عَنْكُمْ وَخُلِقَ الْإِنْسَانُ ضَعِيفًا﴾

Maksudnya, "Allah (sentiasa) hendak meringankan (beban hukumnya) daripada kamu, kerana manusia itu dijadikan berkeadaan lemah." (al-Qur'an . An-Nisā': 28).

Sifat lemah dan berputus asa yang ditunjukkan oleh Adam walaupun dirinya merupakan *Ustaz* setelah diuji dengan kematian ibunya merupakan perkara yang berlaku dalam realiti masyarakat, sesuai dengan keadaan Adam yang juga merupakan seorang manusia. Perkara ini dipersembahkan dalam bentuk positif dan murni, di mana tidak salah seseorang itu merasa lemah atau berputus asa apabila ditimpa musibah kerana itulah fitrah mereka selaku manusia, tanpa mengira status *Ustaz* atau orang awam.

2. Abuja

Abuja merupakan pengamal sihir. Perkara ini diceritakan oleh Azhar di mana Imam Malik telah disihir oleh Abuja sehingga jatuh sakit dalam tempoh yang lama. Malahan, ada babak yang menunjukkan amalan sihir Abuja seperti meminum air darah daripada tengkorak, sehingga berjaya menyihir Adam lalu terbunuh ibunya secara tidak sengaja.

Pengamalan sihir merupakan salah satu ritual mistik yang masih dilakukan dan dipercayai dalam kalangan masyarakat (Hani et al., 2016). Dalam konteks Islam, ia merupakan salah satu daripada tujuh dosa yang ditegah Nabi Muhammad S.A.W sebagaimana dalam hadith yang diriwayatkan Abu Hurairah R.A:

{عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ اجْتَنِبُوا السَّبْعَ الْمُؤْبَقَاتِ قَالُوا يَا رَسُولَ اللَّهِ وَمَا هُنَّ قَالَ الشِّرْكَ بِاللَّهِ وَالسِّحْرُ وَقَتْلُ النَّفْسِ الَّتِي حَرَّمَ اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِّ وَأَكْلُ الرِّبَا وَأَكْلُ مَالِ التَّيْمِ وَالنَّوْءُ وَالرَّحْفُ وَقَذْفُ الْمُحْصَنَاتِ الْمُؤْمِنَاتِ الْغَافِلَاتِ }

Maksudnya, "Rasulullah S.A.W bersabda: "Jauhilah tujuh perkara yang membinasakan". Para sahabat bertanya: "Wahai Rasulullah, apakah itu? Beliau bersabda: "Syirik kepada Allah, sihir, membunuh jiwa yang diharamkan oleh Allah kecuali dengan haq, memakan riba', makan harta anak yatim, lari dari medan peperangan dan menuduh seorang wanita mukmin yang suci berbuat zina." (Hadith. al-Bukhariyy. Bab Qauluhi Ta'ala Innallazi Ya'kulu Amwal Al-Yatama Zulma. 2615).

Walaupun babak sihir yang dilakukan oleh Abuja bukanlah satu perkara yang positif dan murni kerana ia bertentang dengan Islam dan berpotensi menggalakkan masyarakat dalam mengamalkannya (Ruzain Syukur Mansor, 2012), namun ia tetap perkara yang berlaku dalam realiti masyarakat.

3. Rini

Rini menunaikan solat sunat Tahajud sebanyak dua kali dalam filem Makmum (2019), iaitu ketika masa lampau bersama Ningsih, dan masa kini sebelum filem ini memasuki klimaksnya. Perbuatan Rini menunaikan ibadah Tahajud bertepatan dengan firman Allah S.W.T:

﴿تَتَجَافَى جُنُوبُهُمْ عَنِ الْمَضَاجِعِ يَدْعُونَ رَبَّهُمْ خَوْفًا وَطَمَعًا وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنفِقُونَ﴾

Maksudnya, "Mereka merenggangkan diri dari tempat tidur, (sedikit sangat tidur, kerana mengerjakan Tahajud dan amal-amal soleh); mereka sentiasa berdoa kepada Tuhan mereka dengan perasaan takut (akan kemurkaan-Nya) serta dengan perasaan ingin memperoleh lagi (keredaan-Nya); dan mereka selalu pula mendermakan sebahagian dari apa yang Kami beri kepada mereka." (al-Qur'an . As-Sajadah: 16).

Walau bagaimanapun, usai melakukan ibadah Tahajud, Rini terus membuka telekungnya dan bergegas menuju ke Slamet dalam pakaian yang tidak menutupi auratnya. Malahan, Rini tidak memakai pakaian yang menutup aurat seperti tudung dan melabuhkan kainnya sehingga kaki. Walaupun ibadah tahajud yang dilakukan oleh Rini itu merupakan satu perkara yang positif, namun ia jelas menunjukkan realiti sebahagian masyarakat yang beribadah namun tidak menjaga auratnya di khalayak ramai.

4. Ningsih/'Hantu Makmum'

Walaupun pada awalnya filem Makmum (2019) dikecam kerana didakwa menyebarkan ketakutan terhadap kehadiran 'makmum' ketika beribadah Tahajud, namun hakikatnya gangguan Ningsih ini seiring dengan gangguan Khanzab, syaitan yang mengganggu orang bersembahyang. Ganda menjelaskan keadaan tersebut kepada Rini sebagaimana riwayat Abu al-A'la R.A:

{ أَنَّ عُثْمَانَ بْنَ أَبِي الْعَاصِ أَمَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنَّ الشَّيْطَانَ قَدْ حَالَ بَيْنِي وَبَيْنَ صَلَاتِي وَقِرَائَتِي يَلْبِسُهَا عَلَيَّ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ذَلِكَ شَيْطَانٌ يُقَالُ لَهُ حَنْزَبٌ فَإِذَا أَحْسَسْتَهُ فَتَعَوَّذْ بِاللَّهِ مِنْهُ وَانْفِلْ عَلَيَّ يَسَارِكُ ثَلَاثًا قَالَ فَفَعَلْتُ ذَلِكَ فَأَذْهَبَهُ اللَّهُ عَنِّي... }

Maksudnya, "Dari Abu Al-A'la bahawa 'Uthman bin Abu Al-'Ash datang kepada Rasulullah S.A.W lalu bertanya; "Ya, Rasulullah! Aku sering diganggu syaitan dalam solat, sehingga bacaanku menjadi kacau kerananya. Bagaimana itu?" Maka Baginda bersabda: "Ya, yang demikian itu memang gangguan syaitan yang dinamakan Khanzab. Kerana itu bila engkau diganggunya, maka segeralah mohon perlindungan kepada Allah dari godaannya, sesudah itu meludah ke sebelah kirimu tiga kali!" Kata 'Uthman; "Setelah kulakukan yang demikian, maka dengan izin Allah godaan seperti itu hilang." (Hadith. Muslim. Bab At-Ta'awuz min Shaytan al-Waswasah fi al-Salah. 4083).

Hakikatnya, Khanzab sering mengganggu orang bersembahyang walaupun ia tidak menjelma dalam bentuk jasad sebagaimana yang dilakukan oleh Ningsih. Bahkan, gangguan Khanzab berlaku dalam semua jenis solat, dan bukannya hanya dalam solat sunat Tahajud sebagaimana yang dilakukan Ningsih.

Meskipun gangguan syaitan dalam solat ini merupakan perkara yang berlaku dalam realiti masyarakat, namun pengarah filem perlulah berhati-hati dalam membuat tamsilan yang tidak benar mengenai Khanzab, sehingga menimbulkan salah faham penonton dan perkara tersebut tidak berjaya dipersembahkan dalam bentuk positif dan murni.

PENUTUP

Kemasukan unsur agama dalam filem seram bukanlah perkara yang janggal dalam kalangan penonton dan peminat genre seram, sepertimana penerimaan masyarakat Islam terhadap kemasukan unsur Islam dalam filem seram. Pembikinan filem seram berunsurkan Islam seperti Munafik 2 (2018) dan Makmum (2019) merupakan bukti dan contoh unsur Islam juga boleh dimasukkan ke dalam filem seram dan mampu dipersembahkan dengan baik.

Walau bagaimanapun, sebahagian watak utama dalam kedua-dua filem tidak bertepatan dengan dasar kritikan sastera Islam Muhammad Qutb seperti kebangkitan roh selepas mati dan adegan sihir yang terlalu teliti. Justeru itu, pengarah filem perlulah membuat kajian dan bertanya kepada pakar sebelum memasukkan unsur Islam ke dalam filem seram, agar ia bertepatan dengan seni dan akhlak dalam kreativiti sastera Islam walaupun ia hadir daripada unsur realisme yang berlaku dalam masyarakat setempat.

Sebagai contoh, filem seram yang berunsurkan Islam perlu mengelakkan daripada mempromosi kebangkitan roh selepas meninggal dunia kerana mahu membalas dendam dan sebagainya, kerana ia tidak bertepatan dengan ajaran Islam. Meskipun ia merupakan idea yang kreatif, namun karya sastera Islam perlulah bebas daripada perkara yang menyimpang daripada al-Qur'an dan hadith.

RUJUKAN

Buku

- Ahmad bin Muhammad. 1996. *Irshad al-Sariyy Li Sharh Sahih al-Bukhariyy*. Bayrut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Karl G. Heider. 1991. *Indonesian Cinema. National Culture on Screen*. Honolulu: University of Hawaii Press.
- Ken Dansayjir. 2009. *Fikrah al-Ikhraj al-Sinama’iyy*. al-Qaherah: al-Markaz al-Qawmiyy Li al-Tarjamah.
- Muhammad Qutb. t.t. *Manhaj al-Fann al-Islamiyy*. Bayrut: Dar al-Syuruq.
- Muslim bin al-Hajjaj. 2014. *Sahih Muslim*. t.tp: Dar At.Toyyibah.
- Ruzain Syukur Mansor. 2012. *Unsur Khurafat Sebagai Hiburan*. Majalah Cahaya. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Jurnal

- Hani Salwah Yaakup, Wan Amizah Wan Mahmud & Mohd Shahizan Ali. 2016. *Filem Seram Tempatan: Menelusuri Perubahan Kepercayaan Masyarakat Melayu*. Forum Komunikasi, Vol. 1, 143-151.
- Muhammad Muhaimin Zainal Abidin & Rosmawati Mohamad Rasit. 2018. *Analisis Mesej Dakwah Dalam Filem Munafik (2016)*. Fikiran Masyarakat, Vol. 6, 23-29.

Tesis & Disertasi

- Muhammad Athari Basir. 2021. *Al-Naqd al-Adabiyy al-Islamiyy Li ‘Anasir Filam al-Ru’bi: Dirasat Muwazanah Bayna Filamaini “Munafik 2” (2018) Wa “Makmum” (2019)*. (Disertasi Sarjana: Belum Diterbitkan). Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Suma Riella Rusdiarti. t.t. *Film Horor Indonesia: Dinamika Genre*. Artikel: Belum Diterbitkan. Program Studi Ilmu Susastra FIB UI.

Filem

- Hadrah Daeng Ratu. 2019. *Makmum*. Dee Company. Ditonton pada 14 Jun 2020.
- Syamsul Yusof. 2018. *Munafik 2*. Skop Productions. Ditonton pada 14 Jun 2020.

Internet

- ‘Munafik 2’ Lebih Berat, Berani dan Terus Cemerlang. <https://www.mstar.com.my/spotlight/wayang/2018/09/05/munafik> (diakses pada 20 April 2021).
- Hal Shohihul Bukhari Haqqan? <https://www.alhurra.com/different-angle/> (diakses pada 20 April 2021).
- Film Makmum Dapat Protes, Ali Syakieb Beri Tanggapan. <https://entertainment.kompas.com/read/2019/08/22/144703610/film-makmum-dapat-protes-ali-syakieb-beri-tanggapan?page=all> (diakses pada 20 April 2021).

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.